

## JANUARI 2021

### **PERHIMPUNAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN DQ**

12 Januari 2021 – Pertama kali dalam tahun baharu 2021, Darul Quran telah mengadakan Perhimpunan Pegawai & Kakitangan serta Penyampaian Amanat Pengarah Darul Quran bagi siri yang pertama. Perhimpunan ini telah diadakan dalam suasana yang ceria memandangkan ini merupakan program pertama yang diadakan di Auditorium Darul Quran yang baru dibaik pulih pada akhir tahun 2020.

Agenda awal selepas nyanyian Negaraku, lagu JAKIM dan nasyid Asma' al-Husna ialah tayangan slaid berkenaan aktiviti Darul Quran sepanjang Tahun 2020 serta pemakluman berita semasa DQ iaitu mengenai pertukaran keluar masuk pegawai Darul Quran. Seterusnya perhimpunan diteruskan dengan agenda utamanya iaitu penyampaian amanat Pengarah, Ustaz Mohamad Kori Jusoh.

Dalam ucapannya beliau berkata: *"Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar dan sangat luar biasa. Satu tahun yang sangat unik yang belum pernah kita lalui sebelum ini. Pandemik Covid-19 telah merubah cara kerja kesemua penjawat awam termasuk terpaksa melaksanakan tugas dari rumah demi keselamatan dan peranan untuk memastikan dasar kerajaan tetap dilaksanakan."*

*"Di samping segala cabaran yang ditempuh, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga Darul Quran kerana dengan usaha sama semua peringkat dan cawangan kita telah berjaya melaksanakan beberapa aktiviti dan memperolehi pencapaian yang cemerlang sepanjang tahun 2020",* kata beliau lagi. Yang Berusaha Pengarah juga turut mengingatkan kepada warga DQ agar meningkatkan integriti serta mematuhi etika penjawat awam seperti yang telah ditetapkan.




## **SESI TEMU DUGA PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU PROGRAM SIJIL ASAS TAHFIZ**

18 Januari 2021 – Seperti yang telah dijadualkan, Darul Quran telah menjalankan sesi temu duga pengambilan pelajar baharu bagi Program Sijil Asas Tahfiz Tahun 2021. Memandangkan Selangor merupakan antara negeri yang telah diumumkan terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), maka sesi temu duga pada kali ini dijalankan secara dalam talian.

Seramai tiga orang panel telah terpilih untuk menemu duga 12 orang calon yang telah memohon Program Sijil Asas Tahfiz ini pada tahun ini. Dua daripada mereka terdiri daripada Kategori Muallaf/Saudara Baharu, dua orang calon OKU Penglihatan sementara baki lapan orang lagi calon merupakan calon Kategori Peribumi Sabah/Sarawak.

Untuk rekod, Program Sijil Asas Tahfiz ini mula dilaksanakan pada tahun 2017 yang mana ia merupakan penjenamaan semula kepada Program Pensijilan Tahfiz OKUMP (Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan). Berbeza dengan Program Pensijilan Tahfiz OKUMP yang hanya tertumpu kepada pelajar OKU Penglihatan, Program Sijil Asas Tahfiz ini dibuka penyertaannya lebih luas kepada calon-calon pelajar khas seperti Kategori Muallaf, Etnik Peribumi Sabah/Sarawak, Orang Asal/Asli dan OKU Penglihatan seperti program asal.




## FEBRUARI 2021

### **PERBINCANGAN PROGRAM STEP BERSAMA DARUL QURAN**

9 Februari 2021 – Pagi ini berlangsungnya perbincangan antara MARA dengan DQ berkenaan Program STAM Excellent Programme MARA (STEP). Sesi perbincangan ini berkaitan perkongsian maklumat berkenaan program-program pengajian serta kursus-kursus yang diajar di Darul Quran serta maklumat-maklumat berkenaan penyambungan pengajian pelajar DQ ke Timur Tengah.

Berita baik daripada hasil perbincangan ini, pihak MARA berhasrat untuk menaja pengajian graduan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran ke peringkat yang lebih tinggi melalui program STEP. Semoga hasrat murni ini dipermudahkan seterusnya dapat dilaksanakan dengan jayanya.



## MAC 2021

### **MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA TAHUN 2021**

12 Mac 2021 - Seramai 219 orang pelajar Semester Enam Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat telah menerima Sijil Khatam Hafazan Al-Quran Darul Quran JAKIM. Majlis Khatam Hafazan ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Abdul Aziz bin Jusoh dalam Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Tahun 2021M/1442H yang diadakan di Dewan Muktamar Darul Quran secara hibrid.

Majlis khatam ini telah dimulakan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah al-Dhuha hingga Surah al-Nas oleh pelajar 19 orang pelajar banin dengan dipimpin oleh Ustaz Mohd Fazli bin Ibrahim selaku Penolong Pengarah Pusat Islam merangkap Pensyarah Tasmi' Semester Enam.

Seterusnya majlis diteruskan lagi dengan ucapan aluan daripada Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori Jusoh serta ucapan perasmian daripada Datuk Abdul Aziz Jusoh. Beliau yang dalam ucapan perasmiannya telah mengucapkan syabas dan tahniah serta menyatakan harapan kepada pelajar-pelajar yang diraikan dalam majlis ini agar menghargai kesungguhan mereka dalam menamatkan hafazan dengan berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan hafazan 30 juzuk.

Majlis ini juga turut diserikan dengan penyampaian anugerah-anugerah kecemerlangan seperti senarai berikut:

#### **1. ANUGERAH PENSYARAH TASMI' CEMERLANG:**

- = Ustaz Mohd Fazli bin Mohd Azali
- = Ustazah Suhaida binti Che Samsudin

#### **2. ANUGERAH KHAS PENSYARAH TASMI' (OKU Penglihatan):**

- = Ustaz Ahmad Qusairy bin Mat Zizi

#### **3. ANUGERAH PENULISAN AL-QURAN TERBAIK:**

- = Saudara Ahmad Muaz bin Baharudin
- = Saudari Umamah binti Ahmad Najib

#### **4. ANUGERAH KHAS:**

- **Kategori “*khatam lebih daripada sekali di hadapan guru*”:**

- i. Saudara Ahmad Adib Syahmi bin Ahmad Zunaini
- ii. Saudara Abdurrahman bin Zubir
- iii. Saudara Muhammad Umaier bin Mohd Sabri
- iv. Saudara Ammar Hakim bin Mohd Azri
- v. Saudara Muhammad Faiz bin Mat Jusoh
- vi. Saudari Iman binti Razali
- vii. Saudari Ainy Sufiah binti Mohd Zailani
- viii. Saudari Nurul Aina Nazirah binti Mohd Jinah
- ix. Saudari Afifah Nazihah binti Tamili
- x. Saudari Nur Zulaikha binti Mohd Saufi
- xi. Saudari Nurul Syafiah binti Airussham
- xii. Saudari Nadzirah binti Abdul Rashid
- xiii. Saudari Siti Hajar binti Abd Wahap
- xiv. Saudari Nabihah binti Pakharuddin
- xv. Saudari Nur Huda Aqilah binti Anis Hilmi
- xvi. Saudari Siti Saidatul Nazihah binti Said
- xvii. Saudari Arham Sakinah binti Yazir Araafad
- xviii. Saudari Nurul Farahain binti Huslan
- xix. Saudari Ikramina binti Mohd Zubir
- xx. Saudari Munirah Nabihah binti Salleh
- xxi. Saudari Aisyatul Amirah binti Ahmad
- xxii. Saudari Anith Rusydina binti Mohd Rozi
- xxiii. Saudari Asilah binti Zubir
- xxiv. Saudari Nureen Afiqah binti Abdul Muttalib

- **Kategori “*OKU Penglihatan*”:**

- i. Saudari Nur Syuhada binti Alias
- ii. Saudari Nor Farah Alia binti Amran
- iii. Saudari Nur Basyirah binti Mohamad Azhar

#### **5. ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG:**

1. Saudara Muhammad Haris Daniel bin Mohd Khairi
2. Saudari Nur Zulaikha binti Mohd Saufi



## **HARI HUFFAZ SELANGKAH KE MENARA GADING**

15-16 Mac 2021 - Hari Huffaz Selangkah Ke Menara Gading yang diadakan selama dua hari pada kali ini diadakan secara hibrid iaitu gabungan antara bersemuka serta dalam talian di Auditorium Darul Quran dan secara langsung turut disiarkan melalui facebook Darul Quran JAKIM. Tujuan utama penganjuran program ini adalah supaya para pelajar DQ khususnya pelajar-pelajar Semester Enam yang bakal menamatkan pengajian tidak lama lagi akan mendapat input-input berkenaan penyambungan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Program ini bukan sahaja mensasarkan para pelajar DQ dari kampus DQ Kuala Kubu sahaja, malah melibatkan para pelajar seluruh Malaysia dari Lokasi Tambahan DQ (LTDQ) iaitu institusi-institusi tahfiz yang berkolaborasi dengan DQ dalam menjalankan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat.

Antara pengisian program ini ialah para pelajar diberikan panduan dan tips tentang UPU *online* yang disampaikan oleh Penolong Pengarah Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Cik Syazreena Abdul Rahman. Taklimat mengenai Skim Pembiayaan Huffaz (SPH) JAKIM juga turut dikongsikan oleh Ustazah Norihan Zakaria, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Dasar Kemajuan Islam JAKIM selaku urus setia SPH JAKIM.

Selain itu, para peserta juga turut diberikan taklimat oleh wakil-wakil dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara antaranya ialah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs).

Bukan sekadar IPT dalam negara, turut diadakan perkongsian maklumat berkenaan pengajian di Mesir serta Jordan yang disampaikan oleh Pengarah Education Malaysia Egypt (EME) dan Pegawai Education Malaysia Jordan (EMJ). Di samping perkongsian tentang pengalaman pengajian di Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Aceh.



Panduan Memilih Program Pengajian

JPT

1. MELIPATSIKAP SIKAT ANI & SIKAT PASANG (PROGRAM INSTITUSI / AGENSI)
2. PROGRAM YANG MINAT
3. PILIHAN PROGRAM MENGIKUT KEUTAMAAN
4. BUZUK KANDUNGAN
5. PILIRAGAI PILIHAN INSTITUSI / AGENSI

PANDUAN MEMILIH PROGRAM

outreach.okpa

Zoom Meeting

Participants: Yuri, Isra', 20 others

**APRIL 2021**

**LAWATAN AUDIT AKADEMIK PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA DQ-USIM**

5 April 2021 - Darul Quran telah menerima lawatan audit akademik daripada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah Dengan Kepujian Secara Kerjasama Dengan USIM. Lawatan ini berkaitan audit daripada aspek kualiti serta pengurusan fail-fail serta dokumen PdP (Pengajaran dan Pembelajaran) program pengajian tersebut. Aktiviti audit akademik ini dijalankan pada setiap semester bagi memastikan Program Ijazah DQ-USIM berjalan lancar serta selaras dengan Program Pengajian Ijazah seperti di USIM Nilai.

Untuk rekod, Darul Quran telah menjalinkan kerjasama dengan USIM dalam menjalankan Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Quran & Sunnah Dengan Kepujian ini sejak tahun 2009 lagi. Setakat tahun 2009-2020, DQ telah melahirkan seramai 337 orang graduan daripada Program Ijazah ini.



## KUNJUNGAN MAHABBAH PERSATUAN PERMATA AL-QURAN

6 April 2021 – Darul Quran telah menerima kunjungan lima orang wakil daripada Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA AL-QURAN). Persatuan PERMATA AL-QURAN merupakan sebuah pertubuhan kebajikan yang ditubuhkan sejak tahun 1998 berperanan menjaga kepentingan sekolah-sekolah tahfiz yang berdaftar sebagai ahli persatuan ini. Kunjungan ini turut disertai oleh Pengerusi Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS) dan wakil dari Institut Kemahiran Islam Darul Ridzuan (IKDAR).

Delegasi pelawat diketuai oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Persatuan PERMATA AL-QURAN, Dr. Muhammad Faizal Tahiruddin. Sementara sesi perbincangan antara kedua pihak telah dipengerusikan oleh Pengarah DQ, Ustaz Muhammad Kori Jusoh. Dalam ucapan balas Dr. Muhammad Faizal, beliau telah menyatakan tujuan utama kunjungan ini diadakan untuk membincangkan berkenaan hala tuju pelajar tahfiz selepas tamat pengajian khususnya para ahli Persatuan PERMATA AL-QURAN.

Sesi perbincangan telah berlangsung selama hampir dua jam. Kunjungan ini berakhir dengan sesi pertukaran cenderamata serta sesi bergambar.




## KURSUS PENGENALAN OBE BAGI PENSYARAH DQ DAN LTDQ

8 April 2021 - Darul Quran dengan kerjasama Pusat Pembangunan Akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah mengadakan Kursus Pengenalan Kepada Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education*). Webinar yang menggunakan platform google meet telah disertai oleh para pensyarah dari Darul Quran serta pensyarah-pensyarah dari lokasi-lokasi tambahan Darul Quran (LTDQ) di seluruh negeri.

Antara objektif penganjuran webinar ini adalah untuk memberikan kefahaman tentang konsep dan falsafah *Outcome-Based Education* (OBE) dan kepentingan OBE dalam pendidikan tinggi. Selain itu, para pensyarah juga dapat mengenal pasti asas untuk pembinaan hasil pembelajaran dan kaitan dengan pemetaan.

Webinar ini telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Pembangunan Akademik UPSI, Prof. Madya Dr. Syakirah binti Samsudin. Untuk rekod, pada tanggal 14 Februari 2017, suatu MoU telah ditandatangani antara DQ dengan UPSI dalam menjalankan kerjasama akademik bagi bidang pendidikan tahfiz.



## MESYUARAT JKPA DQ KALI KE-1/2021

12 April 2021 - Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik (JKPA) Darul Quran telah bersidang di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Dr. Nordin bin Ahmad, Pengarah Kanan ILIM yang turut menjanjikan tugas Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM.

Sebanyak tiga kertas cadangan telah dikemukakan dalam mesyuarat ini selepas dibahaskan di peringkat Mesyuarat Pengajian DQ iaitu:

- 1) Kertas Cadangan Perakuan Keputusan Peperiksaan Semester Akhir Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran Tahun 2021
- 2) Kertas Cadangan Mewujudkan Program Diploma Tahfiz Al-Quran (Usuluddin)
- 3) Kertas Cadangan Mewujudkan Program Diploma Tahfiz Al-Quran (Syariah)

Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Akademik DQ ini terdiri daripada dua orang pegawai pengurusan tertinggi JAKIM serta ahli-ahli akademik dengan Timbalan Pengarah Operasi JAKIM sebagai Pengerusi dan Pengarah DQ sebagai Setiausaha. Semoga idea dan keputusan yang diperolehi menerusi mesyuarat ini memberikan manfaat buat institusi pendidikan tahfiz di negara ini.



## **KURSUS KOMPETENSI JURUAUDIT DALAMAN ISO 9001:2015 & MS 1900:2014**

13-15 April 2021 - Darul Quran melalui Cawangan Kualiti telah mengadakan Kursus Kompetensi Juruaudit Dalaman ISO 9001: 2015 & MS 1900 : 2014 Tahun 2021 selama tiga hari di Dewan Maktabah Darul Quran. Kursus ini telah dikendalikan oleh Juru Perunding Mercu Inovasi Training & Consulting, Puan Suhaini Haji Hassan.

Antara objektif pelaksanaan kursus ini adalah untuk memperkembangkan kemahiran serta kompetensi juruaudit dalaman DQ. Untuk rekod, DQ merupakan pemegang Sijil ISO 9001:2015 bagi Sistem Pengurusan Kualiti serta Sijil MS 1900:2014 bagi *Shariah-based Quality Management Systems*.

Majlis penutup kursus telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti, Ustaz Abdul Halem Hapiz Salihin. Semoga Darul Quran dapat terus mengekalkan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti mengikut standard yang ditetapkan oleh SIRIM seterusnya memberikan khidmat yang terbaik kepada para pelanggannya khususnya kepada para pelajar DQ.



## **MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-IPT**

16 April 2021 - Darul Quran telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-IPT Bil. 1/2021 di UNITEN Bangi. Mesyuarat penyelarasan ini telah dipengerusikan oleh Dr. Nordin Ahmad, Pengarah Kanan ILLIM yang menjalankan tugas Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM. Mesyuarat ini melibatkan IPT-IPT yang bekerjasama dengan DQ dalam menjalankan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran.

Antara tujuan mesyuarat ini adalah untuk mengenal pasti mekanisme penyelarasan pengurusan bagi melaksanakan program pensijilan yang lebih efektif. Selain itu, menerusi mesyuarat ini juga diharap dapat merangka aktiviti untuk merapatkan hubungan antara DQ dengan institusi pendidikan berkaitan sama ada di peringkat pengurusan, pensyarah mahupun pelajar.

Antara wakil Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang hadir dalam mesyuarat ini ialah wakil dari International Islamic University Malaysia (IIUM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), University of Cyberjaya (UoC), Management and Science University (MSU), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS).

Sebanyak 10 kertas makluman telah dibentangkan dalam mesyuarat pada kali ini. Dua kertas makluman dari DQ dan lapan kertas makluman pelaksanaan program bagi melaporkan perkembangan pelaksanaan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran yang sedang berjalan di setiap institusi.



**MEI 2021**

## **PERHIMPUNAN PEGAWAI & KAKITANGAN DAN AMANAT PENGARAH**

Perhimpunan Pegawai & Kakitangan serta Penyampaian Amanat oleh Pengarah Darul Quran telah diadakan dengan jayanya yang diurus setiakan oleh Pejabat Pendaftar Darul Quran.

Antara intipati ucapan amanat tersebut ialah warga Darul Quran diingatkan untuk sentiasa meningkatkan integriti dan tanggungjawab terhadap tugas kerja yang diberikan selaras dengan peraturan-peraturan sedia ada yang berkuatkuasa. Bersempena dengan bulan Ramadhan yang mulia ini juga warga Darul Quran diingatkan agar bersungguh-sungguh beramal ibadat dan merebut malam Lailatul Qadar.

Perhimpunan pada kali ini juga turut diserikan dengan pengagihan sumbangan duit raya dan barangan keperluan harian kepada kakitangan Darul Quran yang memerlukan. Semoga sumbangan tersebut sedikit sebanyak meringankan beban lebih-lebih lagi ketika ingin menyambut Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.





## TEMUDUGA PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAT SESI 2021/2024

Bittaufiq wan Najah, buat calon-calon temuduga yang memohon Diploma Darul Quran JAKIM bagi Sesi 2021/2024. Sesi temuduga secara online ini diadakan bermula hari ini sehingga 28 Mei 2021 memandangkan wabak pandemik C-19 masih membimbangkan.



**JUN 2021**

**WARGA DARUL QURAN TERIMA SUNTIKAN VAKSIN DOS PERTAMA**

14 Jun 2021 - Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana sebahagian warga Darul Quran telahpun menerima suntikan vaksin dos pertama di Pusat Pemberian Vaksin, Dewan Komuniti Serendah pada hari ini. Turut mendapat suntikan vaksin dos pertama tersebut ialah Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori Jusoh, serta Timbalan Pengarah (Akademik), Haji Salahuddin Haji Ghozali dan Timbalan Pengarah (Kualiti), Ustaz Abdul Halem Hapiz Salihin.

Temujanji untuk suntikan bagi dos kedua ditetapkan di tempat yang sama pada 5 Julai 2021, insya-Allah.

Semoga dengan usaha kecil ini dapatlah kita sama-sama membendung penularan wabak pandemik Covid-19 serta membentuk Herd Imuniti dalam masyarakat di Malaysia.




## PERBINCANGAN BAGI MEWUJUDKAN PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN BERSAMA DQ

15 Jun 2021 - Dalam usaha mewujudkan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran, Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengadakan perbincangan secara dalam talian bersama dengan Darul Quran. Sesi perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Sektor Akademik Bahagian Matrikulasi KPM, Tuan Haji Mohd Yusof Samad bersama 13 orang ahli yang lain. Turut serta dalam perbincangan ini ialah Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori Jusoh, Timbalan Pengarah Akademik, Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti serta lima lagi pegawai-pegawai Darul Quran.

Perbincangan tersebut adalah berkaitan dengan inisiatif Bahagian Matrikulasi KPM untuk mewujudkan laluan pengajian kepada pelajar sekolah yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz menyambung pengajian dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Selepas berbincang selama hampir dua jam, Bahagian Matrikulasi KPM akan memuktamadkan semula pelaksanaan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) yang merupakan salah satu daripada program pengujian yang dianjurkan oleh Darul Quran.



## TAKLIMAT AKADEMIK PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAT

29 Jun 2021 – Seperti kelaziman sebelum memulakan kuliah bagi setiap semester, Darul Quran telah mengadakan Taklimat Akademik Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat bagi Semester Satu, Tiga dan Lima yang akan bermula pada 5 Julai 2021. Sesi taklimat ini bukan sahaja melibatkan pensyarah-pensyarah dari Darul Quran tetapi turut melibatkan para pensyarah dari Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) seluruh Malaysia.

Taklimat yang diadakan secara dalam talian ini telah dirasmikan oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori Jusoh. Dalam ucapan perasmianya, beliau menyarankan supaya para pensyarah saling berkongsi maklumat berkaitan berkaitan pengajaran bagi memantapkan lagi kuliah-kuliah yang akan dijalankan secara PDPR nanti. Agenda selanjutnya diteruskan dengan sesi taklimat dari unit-unit pengurusan Cawangan Akademik seterusnya sesi taklimat dari jabatan-jabatan pengajian mengikut bidang pensyarah masing-masing.

Berdasarkan kesemua persiapan yang telah dibuat ini, diharapkan para pelajar sama ada di Darul Quran ataupun di LTDQ dapat menjalani kuliah dengan lancar serta berkesan walaupun ianya dijalankan menggunakan kaedah PDPR.

The image is a screenshot of a Zoom meeting. The main window displays a PowerPoint slide with the following text: **DARUL QURAN JAKIM** (yellow), **TAKLIMAT AKADEMIK** (red), **PROGRAM** (blue), **DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN** (blue), and **SEMESTER 1, 3 & 5** (blue). At the bottom of the slide, it says **SEKUTUAL 2021 - OKT 2021** (yellow). The background of the slide shows a mosque with a dome and minaret, reflected in water. The Zoom interface includes a toolbar at the top, a list of participants on the right (with names like HO, AA, NF, WM, MN, I, NZ), and a video feed of a man in a white cap at the bottom right. The browser address bar shows [icewarp4.mygov.gov.my/join/join?meetingId=684231762](https://icewarp4.mygov.gov.my/join/join?meetingId=684231762).

## WEBINAR ASAS ILMU TARANNUM

30 Jun 2021 - Dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan penguasaan tentang asas ilmu tarannum al-Quran terutamanya kepada para pelajar, Darul Quran melalui Jabatan Pengajian Umum dengan kerjasama Kelab Tarannum DQ telah menganjurkan Webinar Asas Ilmu Tarannum Al-Quran Tahun 2021. Webinar ini telah disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Hasim Harun, mantan pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) Bangi yang juga merupakan seorang qari yang pernah beberapa kali menjuarai Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Selangor dan Negeri Sembilan.

Webinar yang berlangsung dari jam 10:00 pagi dan tamat pada jam 1:00 tengah hari ini telah dibahagikan kepada tiga slot iaitu Pengenalan Ilmu Tarannum, Tarannum Bayyati (Teori & Praktikal) serta Tarannum Nahawand (Teori & Praktikal). Seramai 66 orang peserta terdiri daripada para pensyarah DQ serta para pelajar dari DQ dan Lokasi Tambahan DQ (LTDQ) telah menyertai webinar ini.

Webinar ini telah dirasmikan oleh Pengarah DQ, Ustaz Mohamad Kori Jusoh. Dalam ucapannya beliau melahirkan rasa syukur kepada Allah kerana webinar ini telah berlangsung dengan lancar dan mengharapkan agar semua peserta dapat memanfaatkan ilmu yang telah disampaikan.




## JULAI 2021

### **SAMBUTAN PELAJAR BAHARU PROGRAM DIPLOMA SESI 2021/2024**

5 Julai 2021 - Seramai 250 orang pelajar baharu Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran JAKIM Sesi 2021/2024 telah selamat mendaftar secara dalam talian pada hari ini. Turut diadakan dalam majlis pendaftaran ini ialah tiga siri taklimat dari Cawangan Akademik, Hal Ehwal Pelajar dan Pejabat Pendaftar. Sesi taklimat ini telah dimulakan dengan perasmian oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori Jusoh.

Dalam ucapan perasmianya beliau menyebutkan: "Kejayaan seseorang pelajar dalam usaha menjadi hamalatul Quran ditentukan oleh dua komponen iaitu "takwa" dan "komitmen masa." Perlu diingat, al-Quran akan mudah masuk ke dalam hati sanubari mereka-mereka yang mempunyai jiwa yang bersih dan selalu memelihara diri daripada sebarang unsur kemaksiatan."

Bagi pengambilan pada sesi kali ini, Darul Quran telah menerima sebanyak 2,270 permohonan. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,417 orang calon yang layak dipanggil temu duga. Namun hanya seramai 250 orang pelajar iaitu 150 banin dan 100 banat sahaja yang berjaya ditawarkan tempat sebagai pelajar bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Sesi 2021/2024. Syabas dan tahniah.




## LATIHAN TRAINING OF TRAINERS KURSUS MPU

7 Julai 2021 - Bermula hari ini dan esok, para pensyarah Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) akan mengikuti Latihan Training of Trainers (TOT) bagi Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) secara dalam talian. Kursus yang diurus setiakan oleh Unit Kompetensi Cawangan Kualiti Darul Quran ini mendapat kerjasama daripada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui dua orang wakil perunding TOT iaitu Dr. Norhafiza Mohd Hed, Ketua Jabatan Pengajian Kemasyarakatan & Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan dan Dr. Siti Noranizahhafizah Boyman, Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Kemasyarakatan & Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan.

Kursus ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Darul Quran, Ustaz Abdul Halem Hapiz Salihin. Antara tujuan pelaksanaan kursus ini ialah untuk memberikan latihan kepada pensyarah DQ dan LTDQ dalam tiga subjek mata pelajaran pengajian umum iaitu "Pengajian Malaysia", "Khidmat Masyarakat" serta "Kepimpinan & Kemahiran Interpersonal". Kursus ini juga untuk memastikan para pensyarah menepati kelayakan yang ditetapkan dalam syarat pematuhan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Semoga para peserta kursus dapat mengikuti dan mendapat latihan yang sepenuhnya sepanjang dua hari ini. Syabas dan tahniah.




## PERBINCANGAN BERSAMA KOLEJ PENGAJIAN ISLAM JOHOR

8 Julai 2021 – Dalam usaha untuk mengadakan kerjasama akademik dengan The World Islamic Sciences and Education University (WISE University) di Jordan, DQ telah mengadakan inisiatif dengan mengadakan perbincangan bersama Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) bagi mendapatkan maklumat berkenaan mu'adalah antara MARSAH dengan WISE University. Agenda utama sesi perbincangan ini adalah berkenaan perkongsian pengalaman MARSAH dalam menjalinkan kerjasama akademik dengan WISE University.

Sesi perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Rektor MARSAH, Prof. Madya Dr. Hussin Salamon. Diikuti oleh empat orang pegawai MARSAH iaitu Pendaftar, Ustaz Muhammad Sanusi Md. Noh merangkap pembentang dalam sesi perbincangan hari ini, Ustaz Yazid Baharin, Dekan Sekolah Pengajian Islam, Ustaz Othman Sahalan, Ketua Program Sekolah Dakwah dan Ustaz Mohd Hazwan Nor Hashim selaku Ketua Program Tahfiz Al-Quran.

Banyak input yang diperolehi melalui perbincangan yang berlangsung selama hampir lebih dua jam ini terutamanya maklumat berkenaan MARSAH serta program-program pengajiannya termasuk program turath. Semoga melalui perbincangan ini akan menatijahkan gerak kerja yang positif oleh pihak DQ di samping mengeratkan lagi hubungan antara DQ dan MARSAH.




## CERAMAH MOTIVASI KECEMERLANGAN PELAJAR DARUL QURAN

Alhamdulillah, tahniah dan syabas diucapkan kepada Jabatan Bahasa, Seksyen Pengajian Am dengan kerjasama Kelab Bahasa Darul Quran kerana berjaya menganjurkan program "Ceramah Motivasi Kecemerlangan Pelajar DQ" secara dalam talian pada hari ini (16 Julai 2021). Program ini juga telah dirasmikan oleh YBr. Ustaz Haji Salahuddin bin Haji Ghozali, Timbalan Pengarah Akademik, Darul Quran.

Penceramah khas yang diundang dalam program motivasi ini ialah Encik Kevin Zahri bin Abdul Ghaffar. Beliau adalah merupakan Cikgu Fitness Malaysia, Pengarang, Penulis, Pembina Komuniti, TV Personaliti, Influencer Pendidik, Penceramah, dan Usahawan.

Beliau juga merupakan seorang penceramah kesihatan korporat, usahawan laman web, dan juga anggota MENSA, iaitu persatuan orang yang memiliki IQ yang tinggi.



## WEBINAR KESENIAN KHAT 2021

17 Julai 2021 - Dalam usaha menjadikan Darul Quran sebagai institusi yang melahirkan para huffaz yang turut mempunyai kemahiran dalam bidang seni khat, Darul Quran telah menganjurkan Webinar Kesenian Khat 2021. Antara lain tujuan webinar ini diadakan adalah untuk menyediakan suatu platform yang bersesuaian kepada para peserta untuk mengembangkan bakat dan potensi bagi mendapatkan hasil penulisan yang lebih kreatif. Di samping para peserta juga dapat mengetahui cara dan teknik yang betul dalam penulisan khat.

Ustaz Mohd Zulfikri Mohd Sobri selaku Ketua Jabatan Seni Khat Yayasan Restu merangkap Setiausaha Persatuan Seni Khat Kebangsaan telah diundang sebagai penceramah khas dalam webinar ini. Webinar ini secara khususnya disasarkan penyertaannya kepada para pelajar Darul Quran serta Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) melalui medium Google Meet. Ia juga turut dapat ditonton oleh masyarakat awam secara langsung melalui Facebook rasmi Darul Quran JAKIM.

Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori Jusoh telah merasmikan webinar ini. Dalam ucapan perasmianya beliau mengucapkan tahniah dan berharap supaya program seumpama ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang. Semoga semua objektif program yang telah digariskan berjaya dicapai.



## CERAMAH MOTIVASI BAHASA INGGERIS PELAJAR DARUL QURAN

Jabatan Bahasa, Seksyen Pengajian Am dengan kerjasama Kelab Bahasa Darul Quran telah menganjurkan program Ceramah Motivasi Bahasa Inggeris Pelajar Darul Quran secara dalam talian pada hari ini (23 Julai 2021).

Penceramah yang diundang dalam program ini ialah Sir Ahmad Shahrul Azhan bin Ibrahim atau lebih dikenali dengan Sir Asai. Beliau adalah merupakan Guru Cemerlang Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Kebangsaan Long Ghaffar 2 Pasir Puteh, Kota Bharu Kelantan. Pengalaman beliau sebagai 'educator influencer' dan banyak menghasilkan video pembelajaran subjek Bahasa Inggeris melalui medium media sosial dilihat mampu untuk memberikan semangat serta galakan kepada para pelajar untuk terus menguasai bahasa inggeris dalam kehidupan.

Turut hadir juga dalam program tersebut ialah Ustaz Othman bin Muda, Ketua Penolong Pengarah Seksyen Pengajian Am, Pn. Siti Hajar Aflah binti Sharuddin, Penasihat Kelab Bahasa dan Pensyarah Bahasa Inggeris, para pensyarah dari Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ), ahli-ahli Kelab Bahasa Darul Quran serta Pelajar diploma semester 1, 3 dan 5 di Darul Quran dan LTDQ. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Jabatan Bahasa dan juga Kelab Bahasa DQ atas penganjuran program ini semoga ianya dapat lagi diteruskan pada masa yang akan datang.




## CERAMAH PENGGUNAAN BAHASA ARAB DALAM KEHIDUPAN DAN KOMUNIKASI

Bahasa Arab adalah merupakan bahasa al-Quran dan ia dipilih oleh Allah SWT menjadi bahasa untuk dibaca oleh hamba-hambaNya dalam memahami sifat Kalamnya.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Jabatan Bahasa, Cawangan Akademik Darul Quran dengan kerjasama Kelab Bahasa Darul Quran kerana berjaya menganjurkan program Ceramah Penggunaan Bahasa Arab Dalam Kehidupan Dan Komunikasi secara dalam talian pada kali ini (30 Julai 2021). Penyertaan program ini adalah terdiri daripada kalangan Pelajar-pelajar Darul Quran dan juga Lokasi Tambahan Darul di seluruh negeri.

Program ini juga turut dirasmikan oleh YBrs. Ustaz Haji Salahuddin bin Haji Ghozali, Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran. Penceramah yang diundang khas dalam program ini ialah Dr. Nurulhuda binti Osman. Beliau adalah merupakan Pensyarah di Jabatan Bahasa Al-Quran, CELPAD, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia(UIAM) Gombak. Pengalaman beliau yang banyak menghasilkan penulisan Buku, artikel, dan buku-buku Latihan Bahasa Arab dilihat mampu untuk memberikan semangat dan galakan kepada para peserta agar terus mempraktikkan penggunaan Bahasa Arab dalam kehidupan seharian insyaallah.

Tahniah!



## **OGOS 2021**

### **MAJLIS SAMBUTAN PELAJAR BAHARU PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-IIUM SESI 2021-2022**

11 Ogos 2021 – Seramai 32 orang pelajar baharu telah selamat mendaftar di dalam Majlis Sambutan Pelajar Baharu Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM Sesi 2021-2022 yang diadakan secara dalam talian pada hari ini. Berdasarkan jumlah tersebut, seramai 13 orang pelajar lelaki dan 19 orang pula adalah pelajar perempuan. Pada pengambilan bagi sesi kali ini, Darul Quran telah menerima sebanyak 800 permohonan. Daripada jumlah tersebut, seramai 437 orang calon yang layak dipanggil temu duga. Namun, hanya 323 orang calon sahaja yang telah menyertai sesi temu duga yang diadakan secara dalam talian selama lapan hari bermula pada 8 dan 9 Jun 2021.

Majlis pendaftaran ini telah dirasmikan oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori Jusoh. Turut hadir menyertai bersama majlis ini ialah Prof. Madya Dr. Haslina Hassan, Pengarah Bahagian Pengurusan Akademik & Kemasukan Pelajar (AMAD), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Encik Murshid Kassim, Dekan Pusat Asasi UIAM Kampus Kuantan dan Ustaz Abdul Hadi bin Abdul Rahim selaku Penyelaras Program Kerjasama Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM. Selain ucapan perasmian, para pelajar baharu turut diberikan taklimat oleh wakil-wakil dari Cawangan Akademik, Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Pejabat Pendaftar serta Jabatan Pengajian Tahfiz supaya para pelajar ini mendapat maklumat-maklumat penting berkenaan operasi setiap cawangan dan unit di Darul Quran yang berkaitan dengan pelajar.

Tahniah dan syabas diucapkan. Semoga anak-anak pelajar baharu Darul Quran memanfaatkan peluang ini untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya di dunia dan juga akhirat. Amin.

10:33 AM | zvv-vghq-hyp

Windows taskbar showing search bar, taskbar icons, and system tray with date 11/9/2021 and time 10:33 AM.

U-Taufiq DQ is presenting

### KETIDAKHADIRAN DAN PELEPASAN KULIAH

- Pelajar yang tidak dapat menghadiri mana-mana kelas Tasmil<sup>1</sup>, kuliah, tutorial, kelas atau pengajian lain berhubung dengan kesusuk pengajiannya, hendaklah mendapat kelulusan daripada Timbalan Pengarah Akademik atau mana-mana pegawai yang dibeli kuasa.
- Pelajar dikahandaki mengisi Borang Pelepasan Kuliah bagi tujuan tersebut dengan mendapatkan sokongan daripada Pensyarah Tasmil<sup>1</sup> dan Pensyarah Madrasah terlebih dahulu.
- Setelah mendapat kelulusan, pelajar hendaklah memberikan salinan borang tersebut kepada pensyarah berkenaan dengan kadar segera.
- Pelajar juga perlu menyerahkan Borang Asal Pelepasan Kuliah kepada Unit Hal Ehwal Pelajar sekiranya pelajar ingin keluar dari kampus.

11:28 AM | zvv-vghq-hyp

Windows taskbar showing search bar, taskbar icons, and system tray with date 11/9/2021 and time 11:28 AM.

# Majlis Sambutan ELAJAR BAHARU

## Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM Sesi 2021-2022

**BUMAH**  
05 Ogos 2021  
10.00 am - 1.00 pm

Google Meet

**LIVE**

Dirasmikan Oleh:

9:23 AM | zvv-vghq-hyp

Windows taskbar showing search bar, taskbar icons, and system tray with date 11/9/2021 and time 9:23 AM.

## **AHLI-AHLI JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK DQ BERSIDANG KALI KEDUA TAHUN INI**

13 Ogos 2021 – Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik Darul Quran JAKIM Bil.2/2021 ini dipengerusikan buat pertama kalinya oleh Dato' Dr. Sirajuddin Suhaimee yang baru dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM berkuatkuasa 14 Jun 2021. Mengikut peraturan, Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Akademik merangkap Ahli Lembaga Darul Quran JAKIM.

Sebanyak tujuh kertas cadangan telah dibentangkan dalam mesyuarat yang dijalankan secara dalam talian ini. Tujuh kertas yang dibahaskan dalam mesyuarat ini ialah:

- i. Kertas Cadangan Perakuan Keputusan Peperiksaan Akhir Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM (Setahun Setengah) Tahun 2021;
- ii. Kertas Cadangan Perakuan Keputusan Peperiksaan Bagi Semester Akhir Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN Tahun 2021;
- iii. Kertas Cadangan Perakuan Keputusan Peperiksaan Semester Akhir Program Sijil Asas Tahfiz Al-Quran Darul Quran JAKIM Tahun 2021;
- iv. Kertas Cadangan Perakuan Keputusan Peperiksaan Semester Akhir Program Sijil Asas Tahfiz Al-Quran JAKIM-PSAS Tahun 2021;
- v. Kertas Cadangan Perakuan Bergraduat Dan Tamat Pengajian Bagi Program Ijazah Sarjana Muda, Diploma Dan Pensijilan Darul Quran JAKIM Bagi Tahun 2021;
- vi. Kertas Cadangan Pencalonan Anugerah Kecemelangan Darul Quran JAKIM Tahun 2021; dan
- vii. Kertas Cadangan Mengadakan Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran JAKIM Ke-29 Tahun 2021.

Mesyuarat ditangguhkan selepas bersidang selama hampir dua jam 30 minit.

meet.google.com/euc-ensj-ygc

Fahmi Soen is presenting

### BILANGAN PELAJAR YANG LAYAK BERGRADUAT DAN TAMAT PENGAJIAN BAGI TAHUN 2021

Bil	Program	Jumlah Graduan
1	Program Ijazah Sarjana Muda USIM-DQ	50
2	Program Diploma Tahfiz al-Quran	512
3	Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-IUM	77
4	Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNTEN	16
5	Program Sijil Asas Tahfiz al-Quran DQ	6
6	Program Sijil Asas Tahfiz JAKIM-PSAS	1
7	Sijil Kemahiran Malaysia Bidang Pengurusan Masjid Tahap 3	29
8	Sijil Kemahiran Malaysia Bidang Pengurusan Tahfiz Tahap 3	5
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>696 orang</b>

10:14 AM | euc-ensj-ygc

meet.google.com/euc-ensj-ygc

Fahmi Soen is presenting



**MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK DARUL QURAN**  
**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

**KERTAS CADANGAN PENCALONAN ANUGERAH KECEMERLANGAN DARUL QURAN JAKIM TAHUN 2021**

**13 OGOS 2021 (JUMAAT)**  
**4 MUHARRAM 1443H**

**KERTAS JKPA C06/2/2021**

10:42 AM | euc-ensj-ygc

## MESYUARAT LEMBAGA DQ KALI KE-38

24 Ogos 2021 – Ahli-Ahli Lembaga Darul Quran telah bersidang buat kali ke-38 secara dalam talian hari ini bagi membahaskan lima kertas cadangan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Abdul Aziz Jusoh yang merangkap sebagai Pengerusi Lembaga Darul Quran.

Dalam ucapan aluannya, Datuk Pengerusi telah merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah atas perlantikan beberapa orang Ahli Lembaga DQ yang baru. Selain itu, beliau turut memaklumkan kepada para ahli bahawa pelaksanaan proses PdP di DQ sepanjang musim PKP telah dilaksanakan secara dalam talian selaras dengan arahan kerajaan. Walaupun pelaksanaan PdP telah dijalankan secara norma baharu, para pelajar tetap mampu menunjukkan pencapaian yang baik dengan pencapaian 83% pelajar telah berjaya mendapat pangkat Jaiyyid dan ke atas dalam peperiksaan semester akhir bagi tahun 2021. Selain itu Datuk Pengerusi juga turut memaklumkan berkenaan Projek Pembinaan Bangunan Akademik & Asrama DQ Kuala Kubu Bharu di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 Rolling Plan Ke-3 yang telah mula dilaksanakan pada Mac 2021 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada Mac 2024. Ini akan memberi lebih banyak peluang kepada calon-calon pelajar untuk melanjutkan pengajian dalam bidang tahfiz al-Quran.

Antara Ahli Lembaga yang turut hadir dalam mesyuarat kali ini selain daripada Pegawai-Pegawai Tertinggi JAKIM, ahli-ahli akademik dari IPTA tempatan dan seorang ahli akademik dari Universiti Brunei Darussalam, Sahibus Samahah Datuk Dr. Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Mesyuarat berakhir pada jam 3:30 petang selepas bersidang selama hampir satu jam 30 minit.






## PROGRAM 'WALKABOUT' BERSAMA TIMBALAN KETUA PENGARAH OPERASI JAKIM

26 Ogos 2021 - Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM, Dato' Dr. Sirajuddin Suhaimee telah dijadualkan untuk mengadakan 'walkabout' secara dalam talian bersama pegawai dan kakitangan Darul Quran pada hari ini. Walaupun kekangan dengan wabak pandemik Covid-19 serta arahan PKP oleh pihak kerajaan, program 'walkabout' bersama Timbalan Ketua Pengarah JAKIM tetap diteruskan dengan medium Google Meet.

Dato' Timbalan Ketua Pengarah Operasi juga telah diberikan taklimat mengenai info korporat dan juga status penjawatan semasa warga kerja Darul Quran. Melalui program ini juga, warga Darul Quran berkesempatan untuk berkongsi info mengenai isu semasa serta cadangan penambahbaikan di Darul Quran.




**SEPTEMBER 2021**

**PROGRAM CERAMAH PENGUKUHAN BAHASA ARAB**

Alhamdulillah program Ceramah Pengukuhan Bahasa Arab telah selesai diadakan secara online yang melibatkan anak-anak pelajar Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran. Program yang diurus setiakan oleh Jabatan Bahasa Darul Quran dengan kerjasama Kelab Bahasa DQ ini telah dirasmikan oleh YBr. Ustaz Haji Salahuddin bin Haji Ghozali, Timbalan Pengarah Akademik, Darul Quran.

Program ini juga dikendalikan oleh seorang penceramah yang hebat iaitu Profesor Madya Dr. Azlan bin Shaiful Baharum, Pensyarah Bahasa Arab, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau seorang yang berpengalaman luas dalam dunia bahasa arab yang sering kali dijemput untuk mengendalikan program-program bahasa arab samada menerusi saluran radio dan juga penulisan buku, insyaallah semoga melalui program-program seumpama ini dapatlah sedikit sebanyak memperkukuhkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan anak-anak pelajar.



## PERBINCANGAN BERSAMA PUSAT KAJIAN USULUDDIN DAN FALSAFAH, FAKULTI PENGAJIAN ISLAM UKM

Alhamdulillah, Darul Quran berbesar hati menerima kehadiran daripada pihak Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi secara dalam talian pada 7 September 2021 (semalam). Perbincangan ini adalah berkaitan dengan hasrat untuk mengadakan kerjasama akademik dengan Darul Quran iaitu program perkongsian pintar seperti perkongsian ilmu "Syarahan Industri", kerjasama daripada aspek perundingan pemerkasaan bidang PdP di kedua agensi serta program sangkutan pensyarah dan pelajar.

Perbincangan ini telah dipengerusikan oleh YBr. Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh, Pengarah Darul Quran. Manakala delegasi daripada pihak UKM pula diketuai oleh Prof. Madya Dr. Jaffary Awang, Pengerusi Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, bersama 3 pegawai iaitu Prof. Madya Dr. Ahmad Sunawari Long, Dekan Fakulti Pengajian Islam, Prof. Madya Dr. Mazlan Ibrahim, Penyelaras Sarjana Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, dan Dr. Muhammad Arif Yahya, Ketua Program Pra Siswazah, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah.



## WEBINAR FALAK DARUL QURAN 2021


Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ النِّجْمِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

"Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya)." - Surah Yunus, Ayat 5.

Alhamdulillah, Darul Quran melalui Jabatan Pengajian Usuluddin telah selesai dengan jayanya melaksanakan program Webinar Falak Darul Quran pagi ini. Penceramah yang dijemput khas iaitu Ustaz Nik Abdul Rahman bin Mustapha yang merupakan Ahli Jawatankuasa Falak Syarie dan Melihat Anak Bulan Wilayah Persekutuan, Pejabat Muffi Wilayah Persekutuan, Cawangan Labuan. Turut hadir dan merasmikan program YBrS. Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh, Pengarah Darul Quran.

Semoga dengan pelaksanaan program Webinar Falak ini dapatlah meningkatkan motivasi dan semangat para peserta untuk terus mendalami ilmu astronomi ini.



## CERAMAH PENGUKUHAN BAHASA INGGERIS

Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Bahasa dengan kerjasama Kelab Bahasa Darul Quran telah mengadakan Program Ceramah Pengukuhan Bahasa Inggeris yang telah disertai oleh anak-anak pelajar Darul Quran dan juga Lokasi Tambahan Darul Quran di seluruh negeri.

Penceramah yang dijemput khas adalah Sir Hisham bin Dato' Dr. Abdul Aziz, merupakan Pensyarah bahasa Inggeris di UniSHAMS. Program dirasmikan oleh YBr. Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh, Pengarah Darul Quran serta turut hadir bersama YBr. Haji Salahuddin bin Haji Ghozali, Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran.



## **PERHIMPUNAN PEGAWAI & KAKITANGAN DAN AMANAT PENGARAH**

13 September 2021 – Tiga hari selepas berkuat kuasa peralihan ke Fasa 2 bagi kawasan Lembah Klang, Darul Quran telah mengadakan perhimpunan pegawai dan kakitangan serta penyampaian amanat oleh Pengarah Darul Quran secara hibrid. Pertemuan bersemuka diadakan di Auditorium dengan sebahagian besar pegawai dan kakitangan mengikuti perhimpunan ini melalui aplikasi Google Meet.

Antara intipati ucapan amanat tersebut ialah berkenaan pengoperasian pejabat kerajaan mengikut Pelan Pemulihan Negara bagi Fasa 2 iaitu 60% pegawai bertugas di pejabat serta 40% pegawai Bekerja Dari Rumah (BDR), tidak termasuk essential services dengan jadual bertugas mestilah dengan persetujuan Ketua-Ketua Cawangan masing-masing mengambil kira keperluan tugas di setiap cawangan. Selain itu pegawai-pegawai juga perlu sentiasa bersedia sedia dari masa ke semasa apabila diarahkan masuk ke pejabat.

Berdasarkan peralihan fasa ini, warga DQ juga diperingatkan untuk mempersiapkan diri dengan pelaksanaan program-program secara bersemuka seperti kemungkinan untuk membuka kembali kampus kepada para pelajar dengan syarat utama ialah dengan dua dos vaksin. Justeru syarat pengambilan dua dos suntikan vaksin ini juga perlu diambil kira oleh kakitangan, pegawai-pegawai serta para pensyarah Darul Quran.

Lain-lain perkara yang ditekankan oleh Pengarah ialah berkenaan pengisian laporan Sasaran Kerja Tahunan (SKT), budaya kerja berorganisasi serta prosedur operasi standard (SOP) 3M iaitu memakai pelitup muka, menjaga jarak dan mencuci tangan. Perhimpunan pada kali ini juga turut diserikan dengan penyampaian cenderamata kepada para fasilitator program Ngaji@DQ iaitu program mengaji serta tadabbur antara sesama kakitangan DQ yang diadakan pada setiap Jumaat bermula Ogos 2021.



## **PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA MTQN PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-39**

20 September 2021 - Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) Peringkat Kebangsaan kali ke-39 yang diadakan secara dalam talian telah dihadiri oleh wakil-wakil dari 10 Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ). Persidangan kali ke-39 ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM, Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimiee.

Dalam ucapan perasmianya Yang Berbahagia Dato' telah mengucapkan terima kasih kepada wakil-wakil LTDQ yang dapat menyertai persidangan kali ini. Beliau juga menyatakan hasrat kerajaan untuk terus komited dalam menjaga kebajikan institusi tahfiz selaras dengan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) bagi melahirkan 125,000 golongan huffaz profesional menjelang tahun 2050.

"Visi ini hanya akan dapat dicapai dengan komitmen yang jitu bukan sahaja dari pihak JAKIM tetapi turut melibatkan peranan yang serius dari institusi tahfiz di negeri-negeri. Saya ambil contoh, setiap tahun Darul Quran akan mengeluarkan purata sekitar 600 orang graduan huffaz. Dalam tempoh 29 tahun lagi sebelum menjelang ke tahun 2050, Darul Quran hanya mengeluarkan anggaran seramai 17,400 orang graduan huffaz sahaja. Jumlah ini hanya 13.92% sahaja berbanding sasaran asal 125,000 huffaz", kata beliau.

Menurut beliau lagi: "Maka bagi merealisasikan visi ini, suka untuk saya cadangkan agar setiap LTDQ juga mempunyai rancangan sama ada jangka masa pendek atau jangka masa panjang bagi pengembangan program-program pengajian sedia ada. Contohnya dari sudut penawaran program pengajian, penawaran syukbah pengajian, pengambilan pelajar dan seumpamanya."

Sebanyak empat kertas makluman telah dibentangkan dalam persidangan hari ini dan persidangan kali ke-39 ini ditangguhkan selepas bersidang selama hampir dua jam 30 minit.




## **PERBINCANGAN BERSAMA UiTM KAMPUS MACHANG**

28 September 2021 - Sesi perbincangan susulan antara Darul Quran JAKIM dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan bagi cadangan mewujudkan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran. Sesi perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Rektor UiTM Kelantan, Prof. Madya Dr. Haji Zulkifli Mohamed P.S.K. Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM, Dato' Dr. Sirajuddin Suhaimee.

Sesi kali ini melibatkan perbincangan yang lebih serius selepas pihak UiTM mengadakan perbincangan kali pertama dengan Darul Quran pada bulan Mac 2021. Antara perkara yang dibahaskan ialah berkenaan model atau bentuk pengajian serta dasar-dasar kerjasama yang telah ditetapkan oleh Darul Quran. Turut dibincangkan ialah berkenaan kos, lokaliti dan syarat-syarat kelayakan pelajar serta pensyarah.

Sesi ditangguhkan selepas para ahli berbincang selama hampir satu jam. Dalam usaha mewujudkan proses kerjasama ini, masih terdapat langkah-langkah seterusnya yang perlu diperhalusi antara kedua institusi. Semoga usaha ini berjaya mencapai objektifnya.



## **OKTOBER 2021**

### **SESI PERBINCANGAN BERSAMA AL QASIMIA UNIVERSITY, UAE**

7 Oktober 2021 – Pada jam 5.30 petang hari ini, kira-kira jam 1.30 petang waktu negara Emiriah Arab Bersatu (UAE), telah diadakan perbincangan antara pihak Al Qasimia University (AQU) bersama Darul Quran. Pihak AQU diketuai oleh Associate Professor Dr. Abd Alkareem Othman, Acting Dean of the College sementara di pihak DQ pula telah diketuai oleh Pengarah, Ustaz Mohamad Kori Jusoh.

Sesi perbincangan ini diadakan bertujuan untuk mewujudkan hubungan awal antara pihak Darul Quran dengan pihak Al Qasimia University (AQU) dalam usaha untuk mengadakan kerjasama akademik antara kedua belah pihak pada masa akan datang.

Darul Quran turut mengambil kesempatan memperkenalkan institusi ini serta program-program pengajian yang dijalankan melalui pembentangan slaid oleh Ustaz Abada Tawfik Al-Bahnasy, Pegawai Perhubungan Antarabangsa.

Turut serta dalam sesi perbincangan ini ialah Ustaz Ahmad Darul Akmal Mohamed Ali, Konsul Muda Pendidikan Education Malaysia UAE di samping empat orang pegawai dari Bahagian Dasar Kemajuan Islam JAKIM, Ustaz Hanifuddin Roslan, Ustaz Jafri Abdullah, Salina Salleh serta Haji Mohd Roska Mohamed Rasidek.

Diharapkan sesi perbincangan kali ini bukanlah pertemuan yang terakhir. Semoga akan ada lagi perbincangan-perbincangan yang selanjutnya selepas dari sesi hari ini dalam usaha mewujudkan kerjasama akademik yang lebih serius antara kedua institusi.

4 - أن ينجح الطالب في المقابلة الشخصية والاختبارات التي تعقد له فيها والتي تشتمل المواد والنواحي الآتية :

- 1 - اختبار شفوي لقياس مدى مهارة الطالب / الطالبة في حفظ القرآن .
- ب - اختبار تحريري في التجويد .
- ت - اختبار تحريري في اللغة العربية .
- ث - اختبار شخصي ( مظهر وسلوك وأخلاق الطالب )
- ج - النشاط الخاص للطالب ( عمل بحث - تلوين رياضي - نشاط اجتماعي )

5 - أن يقدم الطالب شهادة صحية بخلوه من الأمراض المعدية والخطيرة التي من شأنها عرقلة العملية التعليمية له أو للآخرين .

يوجد نسبة من الطلاب الأجانب خاصة من دول جنوب شرق آسيا مثل إندونيسيا وبروناي وسنغافورة وكمبوديا وتايلاند والفلبين .

Participants (24)

- Aishamudin (Me)
- Education Malaysia MIE DAMEL (Host)
- admin
- MUHAMMAD ZAKI AB BAHAWI
- mohd moka
- محمد العزيز علي
- Jahri Abdullah/DAEM
- Abdul Hakim Haggi Saibani
- Dr.Serie aShebawy
- Azzam Othman
- Ruslan Rusli
- Rosliza Abdul Latif
- Muiz
- Accuddin Mohd Hashim DQ
- ان نعيم بن الجار
- Dr.Amal Saemee Mary
- mur hallyda
- admin
- marhujayati ali iqbal
- haniffuddin


## **74 GRADUAN DQ MENYAMBUNG PENGAJIAN KE MESIR**

11 Oktober 2021 - Seramai 74 orang pelajar yang terdiri daripada 52 orang banin dan 22 orang banat lepasan Diploma Tahfiz Al-Quran & al-Qiraat Darul Quran serta Lokasi Tambahan Darul Quran telah berjaya menyambung pengajian ke Universiti Al-Azhar Mesir dalam bidang Takhassus Qiraat di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Turut hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi meraikan pelajar-pelajar tersebut ialah Pengarah Darul Quran Ustaz Mohamad Kori Jusoh serta beberapa orang pegawai Darul Quran yang lain.

"Belajarlah bersungguh-sungguh untuk meraih kejayaan cemerlang. Berikanlah kejayaan sebagai buah tangan kepada ibu-bapa dan guru-guru sebagai menghargai pengorbanan mereka. Dalam usaha menuju kejayaan, amalkanlah bidalan Melayu, 'kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya'. Bidalan ini mengingatkan kita bahawa kejayaan tidak akan datang tanpa usaha dan kegigihan. Oleh itu, belajarlah bersungguh-sungguh." Begitulah pesanan dan nasihat yang disampaikan oleh Pengarah kepada anak-anak pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu seterusnya berbakti pula apabila pulang ke tanah air kelak.

Perjalanan para pelajar ini ke Mesir akan diiringi oleh tiga orang Pegawai Kanan Darul Quran yang diketuai oleh Dr. Abdul Jalal Abdul Manaf, Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Ustaz Mohammad Zaki Ibrahim serta Ustaz Mohd Anuar Baharudin selaku Ketua dan Penolong Pengarah Kanan Unit Kemahiran Insaniah.




## PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PROGRAM IJAZAH USIM-DQ VERSI NORMA BAHARU

11 Oktober 2021 – Seramai 40 orang pelajar baharu Semester Satu dari Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah secara kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mendaftar pengajian hari ini. Daripada 40 orang pelajar tersebut, 19 orang daripadanya terdiri daripada pelajar banin dan 21 daripadanya merupakan pelajar banat.

Para pelajar baharu ini turut diraikan dalam majlis sambutan yang diadakan serba ringkas dengan ucapan daripada Pendaftar Darul Quran, Encik Azizuddin Mohd Hashim serta kalam taujihah daripada Dr. Muhammad Hapizi Sulaiman, Ketua Seksyen Penyelarasan Pengajian Ijazah.

Majlis berakhir dengan sesi bergambar dan bacaan tasbih kaffarah serta surah al-'Asr. Kuliah pertama para pelajar bermula pada hari ini juga sejurus selepas majlis sambutan berakhir.



## ISTIADAT KONVOKESYEN DARUL QURAN KE-29

16 Oktober 2021 - Seramai 1,235 orang graduan bagi semua program yang ditawarkan di Darul Quran JAKIM telah diraikan dalam Majlis Istiadat Konvokesyen Ke-29 yang diadakan secara hibrid di Dewan Mukhtamar Darul Quran melibatkan dua kohort pengajian iaitu kohort 2020 dan 2021. Majlis yang gilang gemilang ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Program-program pengajian yang ditawarkan oleh Darul Quran bagi kedua-kedua kohort pengajian tersebut antaranya ialah:

- Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah Dengan Kepujian Secara Kerjasama Dengan USIM;
- Program Diploma Tahfiz al-Quran & al-Qiraat;
- Program Pensijilan Tahfiz al-Quran:
  - bagi kolaborasi JAKIM-IIUM (International Islamic University Malaysia), JAKIM-UNITEN (Universiti Tenaga Nasional), JAKIM-UoC (University of Cyberjaya), JAKIM-UTeM (Universiti Teknikal Malaysia Melaka) dan JAKIM-PSA (Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah);
- Program Sijil Asas Tahfiz JAKIM-PSAS (Politeknik Sultan Azlan Shah);
- Program Sijil Asas Tahfiz:
  - bagi kategori OKU Penglihatan, muallaf, orang asli dan pribumi Sabah/Sarawak;
- Program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Bidang Pengurusan Masjid;
- Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bidang Pengurusan Masjid serta Bidang Pengurusan Tahfiz.

Saudara Adib Mua'zzam bin Abdul Razak dan saudari Amalia Hayati binti Rosaimi dari Program Diploma Tahfiz al-Quran & Al-Qiraat telah dinobat sebagai

penerima anugerah tertinggi iaitu Anugerah Perdana Menteri bagi kohort 2021 manakala saudara Ahmad Adib bin Mohd Rahim dan Saudari Nur Hasanatul Fadhilah binti Ma'arof dari Program Diploma Tahfiz al-Quran & al-Qiraat pula telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Perdana Menteri bagi kohort 2020.

Sejak penubuhannya pada tahun 1966 hingga 2021, Darul Quran telah melahirkan seramai 10,059 orang graduan huffaz. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua graduan.





## **CALON STM 2021 DUDUKI UJIAN HARI INI**

20 Oktober 2021 – Seramai 58 orang calon telah menduduki peperiksaan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) di empat zon hari ini iaitu Zon Utara di Institut Al-Quran Darul Aman (IQDAR), Zon Selatan di Kolej Al-Quran Sayyidina Ali (KAQSA), Zon Timur di Maahad Tahfiz Al-Quran MAIK Kelantan dan Zon Tengah di Darul Quran JAKIM.

Untuk menduduki ujian secara norma baharu bagi tahun 2021 serta pematuhan terhadap SOP yang telah ditetapkan, setiap calon berumur 18 tahun ke atas mestilah telah lengkap dua dos vaksin manakala bagi calon berumur 17 tahun ke bawah sekurang-kurangnya satu dos vaksin di samping memakai pelitup muka dan menjaga penjarakan sosial satu meter.

Setiap calon perlu menjalani ujian bagi tiga maddah iaitu Hifz Al-Quran Syafawi, Hifz Al-Quran Tahriri serta Pengetahuan Agama Islam yang merangkumi subjek Akidah, Fiqh dan Tajwid.

Untuk rekod, Sijil Tahfiz Malaysia (STM) ini merupakan sijil yang dikeluarkan oleh JAKIM untuk memberi perakuan kepada penghafaz al-Quran di Malaysia yang telah melepasi ujian penilaian yang ditetapkan. Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia;
- Berumur 17 tahun dan ke atas;
- Telah menghafaz 30 juzuk al-Quran; serta
- Mengemukakan sijil hafazan/surat pengesahan hafazan/rekod hafazan.



## PROGRAM PROMOSI SIJIL ASAS TAHFIZ DARUL QURAN JAKIM

30 Oktober 2021 - Seramai enam orang pegawai DQ diketuai Pendaftar, Encik Azizuddin Mohd Hashim terlibat dalam promosi Program Sijil Asas Tahfiz Darul Quran JAKIM dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) bersama masyarakat orang asli Kelantan. Perkampungan yang dilawati adalah Pos Tuel dan Pos Hendrop di Lojing, Gua Musang Kelantan. Sumbangan barangan dapur turut diberikan kepada keluarga yang hadir ke program tersebut.

Program Sijil Asas Tahfiz merupakan salah satu program pengajian yang dijalankan oleh Darul Quran yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar kategori khas seperti OKU Penglihatan, muallaf, orang asli dan pribumi Sabah/Sarawak.



## **NOVEMBER 2021**

### **LAWATAN AKADEMIK DARUL QURAN KE POLITEKNIK BEHRANG**

16 November 2021 - Seramai tujuh orang Pegawai Darul Quran yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti, Ustaz Abdul Halem Hapiz Solihin telah berjaya mengadakan lawatan akademik ke Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) Behrang Perak Darul Ridzuan. Tujuan utama lawatan akademik ini adalah untuk memperkasakan hubungan dan kerjasama akademik antara Darul Quran JAKIM dan Politeknik Behrang bagi meningkatkan jumlah pengambilan pelajar baharu yang akan mengikuti program tahfiz ini pada masa akan datang.

Lawatan ini mendapat sambutan yang baik oleh pihak pengurusan Politeknik Behrang di mana Encik Muhammad Zubir Bin Mohd Hanifah selaku Pengarah Politeknik Behrang telah berkesudian meluangkan masa bersama-sama dalam menjayakan program lawatan pada kali ini. Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua institusi telah membincangkan kerjasama dan strategi-strategi yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan jumlah pelajar yang lulus dan tamat pengajian. Di samping itu juga, isu-isu dan permasalahan serta cadangan penambahbaikan juga turut diutarakan bagi merangka strategi yang berkesan dalam memajukan program ini.

Politeknik Behrang telah melahirkan rasa sukacita diatas lawatan ini dan berharap agar Darul Quran dapat menganjurkan kursus, bengkel, kem hafazan dan sebagainya yang akan melibatkan pensyarah atau pelajar Politeknik Behrang dari masa ke semasa. Darul Quran merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Politeknik Behrang atas kerjasama yang diberikan dan mengharapkan agar program tahfiz di Politeknik Behrang berdaya maju seterusnya dapat melahirkan huffaz profesional yang bermanfaat untuk pembangunan negara dan ummah.



## **LAWATAN AKADEMIK DARUL QURAN KE UNIVERSITI OF CYBERJAYA**

18 November 2021 - Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Darul Quran, Ustaz Abdul Halem Hapiz Solihin beserta delegasi lima orang pegawai DQ telah berjaya mengadakan lawatan akademik ke Universiti of Cyberjaya (UoC) dalam misi memperkasakan hubungan dan kerjasama antara DQ dan UoC. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk membincangkan strategi yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan jumlah pelajar yang lulus dan tamat pengajian program Pensijilan Tahfiz JAKIM-UOC yang telah berjalan semenjak tahun 2014.

Pada lawatan kali ini, Naib Canselor Universiti of Cyberjaya, Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd Razak berkesudian menyambut kehadiran delegasi lawatan seterusnya meluangkan masa bersama-sama sepanjang majlis lawatan berlangsung. Sempena lawatan ini, kedua-dua institusi berkesempatan mengadakan sesi perbincangan dan bertukar-tukar pandangan mengenai hala tuju program tahfiz serta cadangan penambahbaikan program. Terutamanya dari aspek pengurusan dan aktiviti pelajar seperti laporan prestasi hafazan secara berkala, kelas intensif hujung minggu atau pada musim cuti semester serta kem hafazan bagi meningkatkan prestasi hafazan pelajar dari masa ke semasa.

Naib Canselor UoC telah mezhahirkan rasa sukacita di atas lawatan ini dan berharap agar program tahfiz ini lebih berdaya maju pada masa akan datang dalam melahirkan huffaz professional yang bakal menerajui kepimpinan negara suatu hari nanti. Darul Quran merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti of Cyberjaya di atas kerjasama yang diberikan dan majlis di akhiri dengan penyampaian cenderahati antara kedua institusi.



## MAJLIS PENUTUP PROGRAM CAWANGAN HAL EHWAL PELAJAR

19 November 2021 - Ada satu pepatah Arab menyatakan: "*Al-'Aql al-Salim fi al-Jism al-Salim; akal yang cerdas dari tubuh badan yang cergas.*" Sebagai persediaan untuk memulakan kuliah bagi semester baharu yang akan bermula pada 22 November 2021, Cawangan Hal Ehwat Pelajar telah menganjurkan aktiviti pelajar sempena cuti semester.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program ini ialah Explorace Huffaz Baharu DQ, Program Kaunseling, Kem Pemilihan Atlet Ihtifal Huffaz Darul Quran dan Kembara Huffaz Diploma.

Program ini telah diadakan selama 10 hari bermula dari 10 November 2021 dan diakhiri dengan Majlis Penutup pada 19 November 2021 yang disempurnakan oleh Pengarah, Ustaz Mohamad Kori Jusoh. Kesemua hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Ustaz Mohamad Kori dalam majlis ini. Tahniah diucapkan kepada para pemenang.





## LAWATAN PENILAIAN PEMATUHAN AKREDITASI PENUH PROGRAM IJAZAH USIM-DQ

23 November 2021 - Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah dengan Kepujian secara kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Darul Quran telah dipilih untuk menjalani Lawatan Penilaian Secara MQA Virtual Audit (MQAVA). Lawatan audit ini telah dilaksanakan oleh panel penilai yang dilantik oleh pihak MQA iaitu Dr. Mohd Faizal Abdul Khir dari Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan Encik Mohamad Asyraf Faris Abdol Aziz, pegawai dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Penilaian pematuhan ini dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan program ini memenuhi standard akreditasi yang ditetapkan.

Antara maklum balas yang diberikan oleh panel penilaian adalah program ini merupakan satu program yang baik serta menampakkan hubungan kerjasama yang baik antara USIM dan Darul Quran JAKIM. Selain itu, DQ juga mampu melaksanakan program ini dengan baik hasil daripada maklum balas yang amat positif daripada para pelajar serta alumni. Kemudahan prasarana yang disediakan juga setanding dengan pusat pengajian tinggi yang lain malah lebih baik seperti Makmal Braille.

Walau bagaimanapun, beberapa penambahbaikan perlu dibuat oleh DQ dan juga USIM bagi memastikan kelangsungan program ini terus berdaya maju dalam usaha melahirkan modal insan yang mampu memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Turut hadir dalam sesi audit secara maya ini ialah Pengurusan Tertinggi DQ serta wakil pegawai dari Bahagian Dasar Kemajuan Islam JAKIM.





## LAWATAN KERJA JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

24 November 2021 - Darul Quran sangat berbesar hati menerima kunjungan dan lawatan kerja dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah (ITQAS) pada petang ini. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan kerjasama yang sedia terjalin antara DQ dengan ITQAS yang berada di bawah kawal selia JHEAINS.

Delegasi pelawat telah diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan JHEAINS, Ustaz Abd. Rahman Talipudin bersama Pengetua ITQAS, Ustaz Rahim Yahya Abd Rahman serta enam orang pegawai-pegawai JHEAINS dan ITQAS yang lain. Turut sama dalam majlis bagi meraikan para pelawat dari Sabah ini ialah Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori Jusoh serta pegawai-pegawai kanan DQ yang lain.

Untuk rekod, ITQAS merupakan salah satu daripada 10 buah Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) yang bekerjasama dengan Darul Quran dalam menjalankan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat. Semoga lawatan dan kunjungan mahabbah ini dapat lagi memperkukuhkan jaringan kerjasama terutamanya dalam bidang pendidikan tahfiz di Malaysia.





## LAWATAN KERJA JAINJ KE DQ

30 November 2021 - Dalam usaha memperkasakan pendidikan tahfiz di Malaysia khususnya di Negeri Johor, seramai 11 orang delegasi dari Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) telah mengadakan lawatan kerja ke kampus Darul Quran JAKIM.

Antara topik yang dibincangkan dalam pertemuan antara kedua pihak ialah berkenaan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) yang dikendalikan oleh Darul Quran ketika ini. Para pelawat telah diberikan taklimat secara terperinci berkenaan STM melalui pembentangan slaid oleh Ketua Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat, Ustazah Suhaida Che Samsudin.

Sesi lawatan berakhir selepas kedua pihak berbincang selama hampir dua jam 30 minit. Semoga melalui pertemuan ini, pendidikan tahfiz di Malaysia akan dapat semakin diperkasakan.





## LAWATAN KERJA FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN UPSI KE DQ

30 November 2021 - Rentetan perjanjian persefahaman yang sedia terjalin antara DQ dengan UPSI sejak 2018, delegasi yang diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr. Nor Kalsum Mohd Isa, Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) bersama enam orang delegasi dari Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah mengadakan lawatan kerja ke kampus Darul Quran JAKIM.

Lawatan kerja ini diadakan bertujuan untuk membincangkan beberapa kerjasama akademik seperti penulisan jurnal bersama, perkongsian kepakaran pensyarah, transfer kredit Hifz al-Quran, program pertukaran pelajar serta kerjasama persatuan pelajar, kerjasama Sijil Tahfiz Malaysia, kursus-kursus jangka pendek yang ditawarkan oleh UPSI dan lain-lain.

Hasil perbincangan selama dua jam, beberapa kata sepakat telah dicapai antara kedua institusi. Semoga keputusan yang dicapai dapat memberikan suatu impak positif terutamanya kepada graduan DQ.



## DISEMBER 2021

### **LAWATAN KERJA JAWI KE DQ**

2 Disember 2021 - Darul Quran JAKIM hari ini menerima lawatan kerja dari Bahagian Pengurusan Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI). Delegasi JAWI ini diketuai oleh Ustazah Suraiti Alias, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAWI bersama enam orang pegawai Bahagian Pengurusan Dakwah yang lain. Turut sama dalam majlis bagi meraikan para pelawat pada hari ini ialah Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori Jusoh serta pegawai-pegawai dari Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat Darul Quran JAKIM.

Lawatan kerja ini diadakan untuk mendapatkan maklumat dan perkongsian daripada Darul Quran berhubung model pengurusan jenazah yang digunapakai dalam program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di Darul Quran. Memandangkan JAWI turut mengendalikan kursus pengurusan jenazah kepada masyarakat awam diharapkan perkongsian ini dapat memberi percambahan idea dalam usaha JAWI memperkemaskan perkhidmatan hal ehwal Islam kepada masyarakat.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh ustazah Suhaida binti Che Samsudin, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat Darul Quran. Pertemuan ini berakhir kira-kira pukul 4 petang selepas sesi perbincangan, pertukaran cenderahati serta sesi bergambar.





## PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT PROJEK MURAL KHAT DARUL QURAN JAKIM

9 Disember 2021 - Seramai 44 orang pelajar Semester Satu Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM-DQ telah mengadakan Projek Mural Khat Darul Quran. Program di bawah seliaan pensyarah, Ustaz Ilham bin Che Daud@Zakaria ini adalah bagi memenuhi keperluan subjek Pengajian Seni Khat Arab di bawah program A211. Tujuan utama projek ini diadakan adalah untuk melatih kemahiran mahasiswa dalam berorganisasi serta menguruskan program.

Tambahan pula, melalui projek ini juga dapat menaikkan imej Darul Quran di mana tapak mural khat tersebut boleh dijadikan mercu tanda selain ianya boleh menjadi satu kenangan yang terindah buat para mahasiswa Darul Quran memandangkan ianya adalah hasil tangan daripada karya mahasiswa sendiri.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Pengarah, Ustaz Mohamad Kori Jusoh. "Saya berharap supaya semua pihak dapat mengambil manfaat daripada hasil projek ini dan menjadikan ia salah satu tanda ingatan kepada mereka yang berkunjung ke Darul Quran", kata beliau dalam ucapan penutupnya.



## MESYUARAT PENAKSIRAN SOALAN PEPERIKSAAN

9 Disember 2021 - Cawangan Akademik Darul Quran JAKIM telah melaksanakan Mesyuarat Penaksiran Soalan Peperiksaan bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM bertempat di Dewan Syura Darul Quran JAKIM.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti, Ustaz Abdul Halem Hapiz Salihin dan turut dihadiri oleh Ketua-Ketua Jabatan Pengajian.

Mesyuarat Penaksiran Soalan Peperiksaan ini merupakan mesyuarat kali ke-6 bagi tahun 2021 yang antara objektifnya adalah untuk memastikan soalan-soalan peperiksaan memenuhi aras serta piawaian yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).



### MESYUARAT JAWATANKUASA PENAKSIRAN SOALAN PEPERIKSAAN PENSIJILAN TAHFIZ AL QURAN JAKIM- IIUM SESI DISEMBER 2021

- ▶ TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)
- ▶ MASA : 10.30 PAGI
- ▶ TEMPAT : DEWAN SYURA, DARUL QURAN
- ▶ AGENDA: -UCAPAN ALUAN TUAN Pengerusi  
-PEMILIHAN DAN PERAKUAN  
SOALAN  
-LAIN-LAIN HAL

## PEPERIKSAAN GANTIAN DAN ULANGAN PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAT DQ

13 Disember 2021 - Seramai 210 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Darul Quran JAKIM dan 10 buah Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) menduduki Peperiksaan Gantian dan Dhur Thani (ulangan) bermula 13-15 Disember 2021.

Peperiksaan ini diadakan bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan pada tarikh yang telah ditetapkan berdasarkan alasan yang munasabah tertakluk kepada Peraturan Akademik Darul Quran JAKIM. Seterusnya pelajar-pelajar yang terlibat dapat memperbaiki keputusan peperiksaan sedia ada mereka.

Semoga semua pelajar sentiasa diberikan kelapangan hati dan ketenangan jiwa dalam menghadapi peperiksaan.

*Rabbi Tammim Bilkhair.*



## LAWATAN KERJA TKPP JAKIM KE TAPAK PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN BAHARU DQ

15 Disember 2021 - Lawatan Kerja Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan (TKPP) JAKIM, Tuan Haji Ahmad Fuad Apani bagi memantau perjalanan Projek Pembangunan Blok Akademik dan Asrama Darul Quran.

Taklimat telah disampaikan oleh Tuan Ahmad Fahmi Abd. Ghaffar, Jurutera Penguasa Kanan, Pasukan Projek Persekutuan Negeri Selangor mewakili Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor.

Turut hadir ialah Pengarah Darul Quran, Pegawai Kanan Bahagian Pembangunan JAKIM, Pegawai Kanan JKR, Pegawai Kanan DQ dan wakil kontraktor.

TKPP JAKIM berpuas hati dengan kemajuan kerja di tapak bina dan berharap agar pihak kontraktor sentiasa mematuhi tempoh penyediaan yang telah ditetapkan.



## MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-IIUM

16 Disember 2021 - Darul Quran mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM bertempat di Pusat Asasi, International Islamic University Malaysia (IIUM) yang terletak di Gambang, Pahang. Untuk rekod, kerjasama antara DQ dan IIUM telah terjalin semenjak tahun 2000 menerusi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran.

Delegasi DQ diketuai oleh Pengarah, Ustaz Mohamad Kori Jusoh bersama enam orang pegawai yang lain. Sementara dari pihak IIUM dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Haslina Hassan, Encik Murshid Kassim, Encik Izdihar Ishak dan Encik Abdul Hadi Abdul Rahim.

Mesyuarat ini diadakan untuk mendapatkan maklumat serta perkongsian daripada pihak Pusat Asasi IIUM berhubung isu pengambilan pelajar bagi setiap kohort. Melalui mesyuarat ini, kedua-dua institusi berkesempatan mengadakan perbincangan dan bertukar-tukar pandangan mengenai hala tuju program pengajian yang ditawarkan serta cadangan penambahbaikan program.

Melalui hasil perbincangan yang diadakan ini juga diharapkan agar program pengajian ini lebih berdaya maju pada masa akan datang dalam melahirkan huffaz profesional yang bakal menerajui kepimpinan negara suatu hari nanti. DQ merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada IIUM di atas kerjasama yang diberikan. Semoga mesyuarat yang diadakan ini dapat lagi memperkukuhkan jaringan kerjasama terutamanya dalam bidang pendidikan tahfiz agar ianya kekal relevan di masa akan datang.



## **TEAM DQ SERTAI PROGRAM BANTUAN & PEMBERSIHAN PASCA BANJIR SKUAD MUSA'ADAH KELUARGA MALAYSIA**

30 Disember 2021 - *Team Darul Quran JAKIM* bersama dengan agensi-agensinya di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah menyertai program bantuan dan pembersihan pasca banjir Skuad Musa'adah Keluarga Malaysia Agensi Agama di Daerah Mentakab, Pahang.

Skuad ini juga telah diketuai sendiri oleh YB Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bersama dengan lebih 500 petugas daripada warga 14 agensi agama. Menurut YB Timbalan Menteri juga kerja-kerja pembersihan telah dilakukan di 523 buah rumah serta agihan kit solat, toto dan lain-lain termasuk sumbangan makanan oleh Program Dapur It'am Jabatan Agama Islam (Jawi) kepada penduduk Daerah Mentakab tersebut.

Mentakab Pahang antara lokasi yang terjejas teruk akibat bencana banjir yang berlaku selain daripada beberapa tempat yang lain juga. Semoga dengan sedikit usaha dan bantuan ini dapat meringankan beban yang diharungi oleh mangsa-mangsa banjir tersebut.

